

## **Pluraliti dalam kearifan lokal di Sabah**

### **ABSTRAK**

Soal perbezaan budaya, lokaliti dan hubungan antara kaum adalah isu yang sentiasa hadir dalam kehidupan sehari-hari dan sering kali menjadi sesuatu yang sukar serta menjadi ancaman kepada perpaduan bangsa khususnya dalam Masyarakat pelbagai etnik dan budaya seperti di negeri Sabah. Walaupun isu ini dilihat sebagai sesuatu yang penting untuk dikaji dan dijadikan bahan tatapan umum bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman kepelbagaian budaya Masyarakat, tetapi usaha penulisan tentangnya masih tidak begitu menggalakkan. Penulisan seperti ini perlu dipergiatkan untuk mendedahkan kepelbagaian kebudayaan Masyarakat di Sabah dan bahan bacaan seperti ini setidaknya-tidaknya memberi input kepada Masyarakat untuk memahami dan menghormati kebudayaan lain selain budaya masing-masing. Keadaan ini secara langsung boleh mengurangkan sifat prejudis etnik dan ketegangan social kerana peningkatan kefahaman tentang sensitive budaya Masyarakat lain.